

## SOALAN LAZIM MENGENAI PEMBAYARAN FASA PERTAMA BANTUAN PRIHATIN RAKYAT (BPR) 2021

### A. PEMBAYARAN FASA PERTAMA BPR 2021

1. **S: Siapakah yang akan menerima bayaran Fasa Pertama BPR 2021?**

J: Bayaran Fasa Pertama BPR 2021 akan diterima oleh penerima lulus sedia ada BSH 2020 / BPN 2.0 termasuk rayuan dengan pendapatan isi rumah terhad RM5,000 dan pendapatan bujang terhad RM2,000.

2. **S: Berapakah bayaran Fasa Pertama BPR 2021 yang akan diterima?**

J: Bayaran Fasa Pertama yang akan diterima adalah seperti berikut:

Kategori	Bayaran
Isi Rumah	RM300
Individu Bujang <ul style="list-style-type: none"><li>Berumur 21 tahun – 59 tahun</li><li>OKU berumur 18 tahun – 59 tahun</li></ul>	RM150

3. **S: Bilakah tarikh pembayaran Fasa Pertama BPR 2021 akan dibuat?**

J: Pembayaran Fasa Pertama BPR 2021 adalah seperti berikut:

Bil.	Kaedah Pembayaran	Tarikh Pembayaran
1.	Ada Akaun	Mulai 24 Februari 2021 (dikreditkan ke akaun bank pembayaran terakhir BSH 2020 / BPN 2.0)
2.	Tiada Akaun	Tuntutan tunai di Cawangan BSN mulai 25 Februari 2021

### B. KAEDAH PEMBAYARAN FASA PERTAMA BPR 2021

4. **S: Bagaimanakah kaedah bayaran Fasa Pertama BPR 2021 akan dilaksanakan?**

J: Pembayaran Fasa Pertama adalah seperti berikut:

i. **Berjaya kredit ke akaun bank.**

Pembayaran akan dikreditkan ke akaun bank pembayaran terakhir penerima yang lulus dan berjaya kredit BSH 2020 / BPN 2.0 termasuk rayuan.

**ii. Tunai di Kaunter BSN**

Pembayaran akan dilakukan secara tunai sekiranya:

- a. Pembayaran terakhir BSH 2020 / BPN 2.0 adalah secara tunai; atau
- b. Pengkreditan tidak berjaya ke akaun bank yang didaftarkan semasa BSH 2020 / BPN 2.0

**5. S: Bagaimanakah kaedah pembayaran BPR Fasa 1 (tiada akaun bank) bagi penerima kawasan pedalaman di negeri Sabah dan Sarawak?**

**J:** Kaedah pembayaran bagi penerima kawasan pedalaman negeri Sabah dan Sarawak yang tiada akaun bank akan diselaraskan melalui pihak Perbendaharaan Malaysia Sabah dan Perbendaharaan Malaysia Sarawak secara bersepadu berdasarkan jadual lokasi pembayaran yang telah ditentukan. Jadual lokasi pembayaran boleh dirujuk pada laman utama portal rasmi BPR untuk maklumat lanjut.

**6. S: Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya tidak dapat hadir ke lokasi kaunter pembayaran pedalaman yang telah dijadualkan?**

**J:** Penunaian boleh dilakukan di mana-mana cawangan BSN yang berdekatan

**7. S: Adakah pembayaran Fasa Pertama BPR 2021 akan dibuat kepada pemohon?**

**J:** Pembayaran Fasa Pertama BPR 2021 akan dibuat kepada penerima pembayaran terakhir permohonan BSH 2020 / BPN 2.0. Penerima adalah merujuk kepada pemohon atau pasangan yang telah menerima bayaran BSH 2020 / BPN 2.0 sebelum ini.

**8. S: Akaun bank yang saya laporkan semasa permohonan BSH 2020 / BPN 2.0 salah atau tidak aktif. Adakah saya boleh membuat kemas kini maklumat akaun bank bagi bayaran Fasa Pertama BPR 2021?**

**J:** Kemas kini maklumat akaun bank bagi bayaran Fasa Pertama BPR 2021 tidak dibenarkan. Sekiranya akaun yang dilaporkan salah atau tidak aktif, pengkreditan yang dibuat akan gagal kredit dan kaedah pembayaran adalah seperti jawapan bagi Soalan 4.

### **C. LAIN-LAIN**

9. **S:** Adakah saya layak menerima Fasa Pertama BPR 2021, sekiranya saya telah membuat permohonan baharu dalam tempoh permohonan BPR 2021?

J: Sekiranya permohonan anda adalah permohonan baharu, anda tidak layak untuk bayaran Fasa 1 BPR 2021 (Rujuk jawapan bagi soalan 1).

10. **S:** Saya telah lulus BSH 2020 / BPN 2.0 dan tidak mengemaskini permohonan BPR 2021, adakah saya layak menerima Fasa Pertama BPR 2021?

J: Rujuk jawapan bagi soalan 1.

11. **S:** Saya telah mengemaskini maklumat akaun bank semasa permohonan BPR 2021. Adakah pembayaran Fasa Pertama BPR 2021 akan dibuat ke maklumat akaun bank berkenaan?

J: Pembayaran Fasa Pertama BPR 2021 adalah berdasarkan maklumat bayaran terakhir BSH 2020 / BPN 2.0 (Rujuk jawapan bagi soalan 4).

12. **S:** Suami saya telah lulus BSH 2020 / BPN 2.0 dan telah meninggal dunia pada Disember 2020. Adakah saya layak menerima bayaran Fasa 1 BPR 2021?

J: Penerima BSH 2020 / BPN 2.0 yang meninggal dunia tidak layak menerima Fasa 1 BPR 2021.

13. **S:** Saya dan suami telah lulus sebagai kategori bujang bagi BPN 2.0. Walau bagaimanapun, pada tempoh permohonan BPR 2021 saya telah mengemas kini permohonan saya kepada status berkahwin. Adakah saya dan suami layak sebagai penerima Fasa 1 BPR 2021?

J: Ya, anda layak menerima pembayaran Fasa 1 BPR 2021 sebagai kategori bujang.

14. **S:** Adakah wakil dibenarkan untuk penunaian Fasa Pertama BPR 2021 bagi penerima BPR yang uzur / kurang upaya / sakit berpanjangan atau mempunyai halangan untuk membuat penunaian BPR di BSN dan siapakah yang dibenarkan untuk menjadil wakil berkenaan?

J: Ya. Wakil dibenarkan untuk membuat penunaian Fasa Pertama BPR 2021 bagi pihak penerima pembayaran secara tunai sahaja.

Wakil yang dibenarkan untuk penunaian Fasa Pertama BPR 2021 adalah wakil yang telah didaftarkan oleh penerima semasa BSH 2020 atau BPN 2.0 dan mestilah terdiri daripada hubungan berikut:

- i. Ibu / Bapa
- ii. Pasangan
- iii. Anak
- iv. Adik-Beradik
- v. Cucu

15. **S: Apakah dokumen yang perlu dibawa semasa mewakili penerima bagi penunaian Fasa Pertama BPR 2021?**

J: Wakil yang didaftarkan boleh membuat penunaian BPR 2021 dengan mengemukakan **tiga (3) dokumen wajib dan satu (1) dokumen tambahan** berikut:

**Tiga (3) dokumen wajib**

- i. Kad pengenalan lama atau baru (asal atau salinan) penerima; **dan**
- ii. Kad pengenalan / Pasport (asal) wakil; **dan**
- iii. Dokumen pembuktian pertalian antara pemohon dan wakil; (asal atau salinan/faks) **dan**

**Satu (1) dokumen tambahan**

- iv. Mengikut situasi penerima yang tidak hadir ke Cawangan:

BIL	SITUASI PENERIMA	DOKUMEN
a.	Berada dalam penjara / pusat serenti / Institusi jagaan Kerajaan yang lain.	Surat pengesahan daripada <b>penjara / pusat serenti</b> (salinan atau asal) (jika penerima berada di penjara atau pusat serenti) / Institusi jagaan Kerajaan yang lain.  <b>Nota:</b> Salinan Kad Pengenalan penerima dikecualikan sekiranya surat penjara jelas menunjukkan nama dan no pengenalan penerima serta tempoh masa.  Mohon nyatakan tempoh sah laku surat yang dinyatakan contoh valid 3 tahun dari tarikh sah pegeluaran surat berkenaan.

b.	Berada di luar negara	<b>Surat pengesahan majikan</b> dan tarikh mula dan tamat bertugas penerima yang menunjukkan penerima benar-benar berada di <b>luar kawasan / Negara</b> semasa tempoh pembayaran.  <b>Nota:</b> Tempoh bertugas adalah tidak lebih daripada setahun
c.	Sakit / Uzur / OKU	<ul style="list-style-type: none"><li>• <b>Surat pengesahan hospital</b> jika penerima menerima rawatan di hospital / Klinik; <b>atau</b></li><li>• Surat kebenaran / pengesahan daripada Hospital / Klinik / dokumen sokong yang berkaitan dan ke atas bagi penerima yang uzur (tidak berdaya untuk bergerak); <b>atau</b></li><li>• Kad OKU asal</li></ul>

Dokumen sokongan yang mana berkaitan:

- a) Surat Pengesahan daripada Penjara / Pusat Serenti (jika penerima berada di penjara atau Pusat Serenti); atau
- b) Surat Pengesahan Majikan sebagai bukti penerima berada di luar negara kerana menjalankan tugas; atau
- c) Surat pengesahan hospital jika penerima menerima rawatan di hospital; atau
- d) Surat pengesahan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) / Pengusaha Rumah Jagaan; atau
- e) Surat kebenaran / pengesahan daripada hospital / klinik / ketua kampung / Ketua Kawasan dan ke atas bagi penerima yang uzur (tidak berdaya untuk bergerak); atau
- f) Kad OKU asal

**16. S:** Saya telah menerima bayaran BPR dan ingin menolak bantuan BPR. Bagaimanakah cara untuk memulangkan bayaran BPR yang telah diterima?

**J:** Tindakan yang perlu diambil adalah seperti berikut:

- i. Mengemukakan surat kepada Kementerian Kewangan Malaysia dengan menyatakan nama penuh, nombor Mykad/nombor pengenalan dan sebab pemulangan;
- ii. Lampirkan draf bank / cek yang mengandungi jumlah bayaran atas nama Akauntan Negara Malaysia (mengikut jumlah pemulangan); dan
- iii. Surat dan draf bank / cek perlu dikemukakan kepada pihak Kementerian Kewangan Malaysia di alamat berikut:

**Pejabat Belanjawan Negara  
Kementerian Kewangan Malaysia  
Presint 2, 62592 Putrajaya.**

**17. S: Adakah saya boleh membuat permohonan BPR 2021 walaupun Tidak Layak sebagai penerima pembayaran Fasa Pertama BPR?**

J: Ya. Anda boleh membuat Permohonan Baharu / Kemas Kini BPR 2021 dan tertakluk kepada syarat yang telah ditetapkan. Permohonan Baharu / Kemas Kini BPR 2021 boleh dibuat mulai 15 Januari 2021 hingga 25 Februari 2021.

LHDNM